

TAWARAN D

**Permohonan Mengikuti Program Latihan
Kepakaran *Parallel Pathway* Dengan Hadiah
Latihan Persekutuan
Sesi 2021/2022 Tajaan KKM**

IKLAN

Permohonan Mengikuti Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* dengan Hadiah Latihan Persekutuan Sesi 2021 / 2022 Tajaan KKM

1. Permohonan adalah dipelawa kepada Pegawai Perubatan yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia dan berkelayakan bagi mengikuti Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* dengan / tanpa Kemudahan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) di dalam dan luar negara.
2. Borang permohonan hendaklah dimuat turun melalui laman sesawang <http://ehlp.moh.gov.my>.
3. Tarikh tutup permohonan dan tarikh akhir bagi mengemukakan **borang permohonan (*hardcopy*)** adalah pada **13 Oktober 2020** melalui **serahan tangan atau pos ke alamat berikut;**

**Urusetia Program Parallel Pathway Tajaan HLP KKM
Kementerian Kesihatan Malaysia
Bahagian Pengurusan Latihan
Aras 6, No 26 Persiaran Perdana, Presint 3,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
(u.p : Program Kepakaran 2)**

4. Pertanyaan mengenai permohonan ini boleh dibuat dengan menghantar pertanyaan ke emel di alamat kepakaran2@moh.gov.my.

1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1.1 Syarat-syarat Umum

Pegawai perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- a) Berkhidmat secara tetap ;
- b) Telah disahkan dalam skim perkhidmatan semasa;
- c) Mempunyai prestasi cemerlang dengan markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tidak kurang daripada 85% bagi mana-mana tiga (3) tahun yang tertinggi daripada lima (5) tahun terakhir perkhidmatan pegawai (penilaian genap 12 bulan bagi setiap tahun).

Pengecualian penilaian genap 12 bulan bagi tahun penilaian **hanya diberikan** kepada pegawai wanita yang pernah mengambil Cuti Tanpa Gaji (CTG) atau Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anak tidak melebihi 90 hari dalam tahun penilaian sebagaimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2014;

- d) Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan/ Jabatan (Panel Pembangunan Sumber Manusia), mengikut yang mana berkenaan;
- e) Pegawai bersih / bebas daripada sebarang pertuduhan / prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan / atau dalam proses dakwaan mahkamah;
- f) Telah mengisytiharkan harta; dan
- g) Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar Pinjaman/ peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain.
- h) Tidak pernah menerima sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat kursus yang sama;
- i) Tidak pernah gagal atau menarik diri daripada sebarang kursus tajaan Kerajaan Malaysia;
- j) Bebas daripada penyakit yang boleh menjejaskan keupayaan untuk mengamalkan perubatan (*unfit to practice*) dari segi fizikal dan mental seperti yang terkandung di dalam Akta Perubatan 1971 seperti di Lampiran A; dan
- k) Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas yang dinyatakan dalam Garis Panduan kemudahan cuti belajar kepada pegawai awam yang mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa.

- l) Pegawai hendaklah mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka pendek / panjang yang terdahulu dengan jayanya seperti berikut;

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

1.2 Syarat-syarat Khusus

Pegawai hendaklah memenuhi syarat-syarat khusus mengikut keperluan bidang yang dipohon seperti berikut:

Surgeri Urologi

- Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Perubatan atau setaraf dengannya dari universiti yang diiktiraf;
- Telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM);
- Telah menamatkan sekurang-kurangnya dua (2) tahun latihan siswazah dengan jayanya;
- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang Pembedahan termasuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang Urologi
- Telah lulus kertas peperiksaan berikut:
- *Membership of the Royal College of Surgeons (MRCS) Part A dan Part B* bagi permohonan bidang Surgeri Urologi
- Berumur tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan;

Surgeri Kardiotorasik

- Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Perubatan atau setaraf dengannya dari universiti yang diiktiraf;
- Telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM);
- Telah menamatkan sekurang-kurangnya dua (2) tahun latihan siswazah dengan jayanya;
- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang Pembedahan termasuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang Kardiotorasik
- Telah lulus kertas peperiksaan berikut:
- *Membership of the Royal College of Surgeons (MRCS) Part A dan Part B* bagi permohonan bidang Surgeri Kardiotorasik
- Berumur tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan;

Klinikal Onkologi

- Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Perubatan atau setaraf dengannya dari universiti yang diiktiraf;
- Telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM);
- Telah menamatkan sekurang-kurangnya dua (2) tahun latihan siswazah dengan jayanya;
- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam bidang Klinikal Onkologi
- Telah lulus kertas peperiksaan berikut:
- *First FRCR (Onco) Examination* bagi bidang Klinikal Onkologi;
- Mencapai mata *International English Language Testing System (IELTS)* sekurang-kurangnya 7.5 (syarat untuk mendaftar dengan *General Medical Council*) bagi bidang Klinikal Onkologi;
- Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan;

Perubatan Forensik

- Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Perubatan atau setaraf dengannya dari universiti yang diiktiraf;
- Telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM);
- Telah menamatkan sekurang-kurangnya dua (2) tahun latihan siswazah dengan jayanya;
- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 6 bulan dalam bidang Perubatan Forensik
- Mencapai mata *International English Language Testing System (IELTS)* sekurang-kurangnya 7.5 (syarat untuk mendaftar dengan *General Medical Council*) bagi bidang Klinikal Onkologi dan bidang Forensik;
- Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan;

Perubatan Keluarga (MInTFM)

- Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Perubatan atau setaraf dengannya dari universiti yang diiktiraf;
- Telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM);
- Telah menamatkan sekurang-kurangnya dua (2) tahun latihan siswazah dengan jayanya;
- Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan;
- Mempunyai minat yang mendalam dalam bidang Perubatan Keluarga.

2.0 TAWARAN PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN *PARALLEL PATHWAY* DENGAN HLP

2.1 Kaedah Latihan

2.1.1 Program Latihan Kepekaran *Parallel Pathway* ini dilaksanakan menerusi dua (2) kaedah iaitu:-

2.1.1.1 Kombinasi Dalam Dan Luar Negara

Bidang	Tempoh Latihan (Tahun)		Tempoh Latihan Keseluruhan (Tahun)	Tajaan
	Dalam Negara	Luar Negara		
Surgeri Kardiorasik	5	1	6	HLP
Perubatan Forensik	2	2	4	HLP
Klinikal Onkologi	2	2	4	HLP

2.1.1.2 Sepenuhnya Dalam Negara

Bidang	Tempoh Latihan (Tahun)	Tajaan
Surgeri Urologi	4	HLP
Perubatan Keluarga (MInTFM)	4	HLP

2.2 Bidang Yang Ditawarkan

2.2.1 Bidang yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- a) Surgeri Urologi
- b) Surgeri Kardiorasik
- c) Klinikal Onkologi
- d) Perubatan Forensik
- e) Perubatan Keluarga (MInTFM)

3.0 TATACARA PERMOHONAN

3.1 Permohonan hendaklah dibuat kepada BPL dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut (setiap dokumen hendaklah dikemukakan dalam **2 salinan** yang lengkap dan disahkan):

- a) Borang Permohonan Program Latihan Kepakaran secara Lualan Paralel KKM/Paralel 2020 yang telah dilengkapkan;
- b) Laporan Referee (2 orang)- *Borang R*;
- c) Surat (*Covering letter*) daripada Jabatan/Tempat Bertugas dengan sokongan/ulasan dari segi kebenaran mengikuti Latihan/kesesuaian bidang;
- d) Salinan Keputusan Peperiksaan seperti dalam Perkara 1.2 (jika berkaitan);
- e) Dua (2) salinan Keputusan Peperiksaan IELTS (bidang Klinikal Onkologi dan Perubatan Forensik sahaja).
- f) Borang Perakuan Sumber Manusia (Lampiran C);
- g) Salinan Kad Pengenalan;
- h) Salinan Buku Perkhidmatan terkini yang telah dikemaskini;

3.2 Dokumen yang telah lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:-

**Urusetia Program Parallel Pathway Tajaan HLP KKM
Kementerian Kesihatan Malaysia
Bahagian Pengurusan Latihan
Aras 6, No 26 Persiaran Perdana, Presint 3,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
(u.p : Program Kepakaran 2)**

4.0 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN / PENYELIA

- 4.1 Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- 4.2 Ketua Jabatan diminta untuk membuat semakan perancangan yang teliti dan hanya memperakukan pegawai yang boleh dilepaskan pada tahun 2021/2022 kelak;
- 4.3 Bahagian Pengurusan Latihan berhak menolak permohonan yang didapati tidak menepati syarat yang dinyatakan di atas.

5.0 PERINGATAN PENTING KEPADA PEGAWAI

- 5.1 Tarikh tutup permohonan adalah pada **13 Oktober 2020**. BPL tidak akan mempertimbangkan permohonan yang lewat diterima atau mengemukakan permohonan yang tidak lengkap.
- 5.2 Sila ambil maklum bahawa penerima adalah tertakluk kepada Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya seperti yang disertakan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- 5.3 Sila ambil maklum akan tarikh-tarikh penting bagi pelawaan ini seperti berikut:

Tarikh	Keterangan
14 September 2020	Permohonan dibuka
13 Oktober 2020	Tarikh tutup permohonan
Mei 2021	Keputusan

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

- a. Kanser;
- b. Serangan jantung;
- c. *Pulmonary Hypertension*;
- d. Penyakit buah pinggang yang kronik;
- e. Penyakit hati (*liver*) yang kronik;
- f. *Hepatitis*;
- g. Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- h. Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- i. Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- j. Pemindahan organ utama;
- k. Penyakit Parkinson;
- l. Penyakit HIV dan/atau AIDS;
- m. Pemindahan kaki atau tangan;
- n. Skizofrenia;
- o. Kecederaan atau kecacatan fizikal yang dialami semasa menjalani latihan atau kursus yang disahkan oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan atau Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja sebagai tidak sihat untuk meneruskan pengajian; dan
- p. Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan atau Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja.